

**“1 MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”**

Ruj. Kami: MPIK/144/4/15 Jld.16 (80)

Tarikh : 7 Januari 2010

Semua Pelajar  
KPLI-Sekolah Rendah (Mode Penuh Masa) Ambilan Januari 2010

Saudara/Saudari,

**Pendaftaran Pelajar Kursus Perguruan Lepas Ijazah Sekolah Rendah (KPLI-SR) Mode Sepenuh Masa Ambilan Januari 2010**

Merujuk kepada perkara di atas, *tahniah* diucapkan kepada tuan kerana telah ditawarkan untuk mengikuti kursus tersebut di *Institut Pendidikan Guru, Kampus Ilmu Khas (IPG, KIK)*.

2. Sehubungan itu, sekiranya *menerima tawaran* tersebut, saudara-saudari **dikehendaki** melaporkan diri ke institut ini seperti ketetapan berikut:

**Tarikh** : 18 Januari 2010  
**Masa** : 08.30 pagi  
**Tempat** : Blok TESL, IPG Kampus Ilmu Khas  
**Minggu Pengurusan Pelajar Baharu (MPPB)** : 18 Januari 2010 (Isnin) hingga 22 Januari 2010 (Jumaat) (Wajib kepada semua pelajar)

3. Saudara-saudari dikehendaki membaca / menyediakan maklumat berikut melalui laman web IPG, KIK untuk tindakan selanjutnya:

- 3.1. **Lampiran 1 (perlu disediakan dan kemukakan semasa pendaftaran)**
- 3.2. **Lampiran 2 (Minggu Pengurusan Pelajar Baharu dan Pembayaran Elaun)**
- 3.3. **Layari laman web IPG, KIK : <http://www.ipik.edu.my> untuk muat turun Lampiran 1, 2 dan peta lokasi IPG, KIK.**
- 3.4. **Borang Pemeriksaan Doktor (Am 402-Pin. 4/07) boleh didapati di IPG berhampiran anda.**

4. Saudara-saudari dikehendaki membawa bersama-sama **sijil asal/dokumen peribadi asal/borang/perkara** seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran 1** semasa hari pendaftaran. Borang Perjanjian akan diedarkan semasa hari pendaftaran.

5. Saudara-saudari dikehendaki menyediakan wang tunai berjumlah **RM300.00 (RM: Tiga Ratus Sahaja)** untuk bayaran keperluan Minggu Pengurusan Pelajar Baharu pada hari Pendaftaran. Senarai bayaran keperluan Minggu Pengurusan Pelajar Baharu akan diedarkan pada hari melaporkan diri/pendaftaran.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“PRODUKTIF, BERKUALITI DAN EFEKTIF”**

Saya yang menurut perintah

**(SAHARUDIN BIN SUHADI)**  
b.p. Pengarah  
IPG Kampus Ilmu Khas  
56000 Cheras  
Kuala Lumpur

s.k. - Fail MPPB